

PELAPORAN KEWANGAN MENERUSI INTERNET: TINJAUAN KAJIAN LEPAS

MOHD NOOR AZLI ALI KHAN

*Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia*

NOOR AZIZI ISMAIL

*UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia*

Abstrak

Makalah ini mengulas sorotan literatur berkaitan penyelidikan pelaporan kewangan menerusi Internet (PKMI). Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan terma, dimensi dan penklasifikasian berkaitan PKMI tidak konsisten dalam kalangan penyelidik. Perbezaan ini menyumbang kepada perbezaan dapatan kajian dan seterusnya gagal menerangkan dengan jelas faktor penentu yang mempengaruhi PKMI. Penelitian terhadap kajian PKMI turut mendapati sedikit sahaja kajian yang memberi fokus kepada pembinaan indeks pelaporan bagi menerangkan tahap PKMI. Pengajaran yang dapat dicungkil daripada perbincangan dan ulasan tersebut ialah perlunya satu kajian yang lebih komprehensif bagi membincangkan isu berkaitan PKMI.

Kata kunci: *Terma, dimensi, faktor penentu dan pelaporan kewangan menerusi Internet.*

Abstract

Purpose – *This paper aims to address the literature of internet financial reporting (IFR), by carefully reviewing existing literature relating to the topic, and then recommends a suitable dimension of disclosure index to represent IFR.*

Design/Methodology/Approach – *The study was dependent on an extensive review of the literature of IFR.*

Findings – *The results show that the terms, dimensions and classifications related with IFR are inconsistent among the researchers. These differences contribute to the variations in the findings and thus unable to clearly explain*

factors influencing the behaviour of the IFR. The results also reveals that very few research focus on the development of IFR indexes to explain the level of IFR.

Originality/Value – *The paper provides a basis for mapping existing and future studies on IFR and constructing scenarios of future studies in this area. The paper also suggested that the liable parties like Securities Commission (SC), Malaysian Institute of Accountants (MIA) and Malaysian Accounting Standards Board (MASB) will draw a general guideline which all the listed companies in Bursa Malaysia could draw upon when disseminating their financial report or other related information about their companies in their companies' websites.*

Keywords – *Term, dimension, determinant, Internet financial reporting.*

Paper type – *Conceptual paper.*

Pengenalan

Kajian tinjauan penggunaan Internet di rumah yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2005, 2006 dan 2008 menunjukkan terdapat peningkatan dalam kalangan pengguna Internet Malaysia yang memperoleh maklumat menerusi Internet. Pada tahun 2005 hanya 41 peratus pengguna Internet melayari laman web untuk mendapatkan maklumat dan kemudiannya meningkat kepada 85 peratus pada tahun 2006 dan 95 peratus pada tahun 2008. Peningkatan pengguna Internet dalam mendapatkan maklumat menerusi Internet menunjukkan bahawa Internet merupakan sumber asas untuk mendapatkan maklumat di seluruh dunia (*Berita Harian*, 16 Mac 2010). Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak menyatakan bahawa program pelaksanaan Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) perlu kerana teknologi maklumat dan Internet dikenal pasti sebagai perkhidmatan sokongan yang penting dan landasan untuk membawa semua sektor dalam pertumbuhan sosial dan ekonomi negara seiring dengan pengetahuan asas dan ekonomi digital (*Berita Harian*, 23 Mac 2010).

Kerancangan era teknologi maklumat dan komunikasi turut mempengaruhi dunia perniagaan yang semakin berkembang pesat dan bersifat dinamik. Senario ini turut menjadi penyebab kepada perubahan cara penyampaian maklumat perakaunan kepada para pengguna. Ini secara tidak langsung membuatkan pelaporan

kewangan menjadi keutamaan kepada bidang yang berkaitan pelaporan Internet. Isu ini penting kerana Internet berfungsi sebagai medium komunikasi bagi tujuan penyebaran dan capaian maklumat yang bersifat “pada bila-bila masa dan di mana-mana” (Xiao, Jones & Lymer, 2002; Sortur, 2006; Al Arussi, Selamat & Mohd Hanefah, 2009). Keadaan ini bersesuaian dengan kelebihan kandungan laman web yang bersifat dinamik (Khadaroo, 2005a) dan unik (Huizingh, 2000; Ettredge, Richardson & Scholz, 2001). Perkembangan teknologi Internet turut mempengaruhi perubahan persekitaran pelaporan kewangan menerusi Internet (selepas ini dikenali sebagai PKMI) dan telah menjadi satu bidang yang penting untuk dikaji. Sejalan dengan penggunaan Internet yang semakin berkembang, perubahan di dalam persekitaran PKMI turut memerlukan pembuktian penilaian semasa dan analisis yang meluas bagi praktis pelaporan (Kelton & Yang, 2008).

Walaupun banyak kajian berkaitan PKMI telah dijalankan di seluruh dunia termasuk negara sedang membangun seperti Malaysia, namun pemahaman mengenai tahap dan faktor yang mempengaruhi PKMI masih belum benar-benar difahami. Sorotan daripada pelbagai literatur menunjukkan bahawa dimensi yang digunakan berbeza-beza untuk menggambarkan tahap PKMI dan menyebabkan ketidakupayaan untuk menerangkan dengan jelas fenomena yang berlaku dan apakah faktor penentu yang mempengaruhi praktis PKMI (Ali Khan & Ismail, 2009). Kebanyakan kajian penggunaan Internet banyak berfokus di negara Eropah dan Amerika Syarikat berbanding di negara sedang membangun (Tan & Teo, 1998; Aly, Simon & Hussainey, 2010). Hanya sedikit kajian PKMI dilaksanakan di negara sedang membangun (Davey & Homkajohn, 2004; Khadaroo, 2005a; Celik, Ecer & Karabacak, 2006; Barako, Rusmin & Tower, 2008; Al Arussi et al., 2009). Kajian tersebut telah menjana ilmu berkaitan perkembangan PKMI di negara berkenaan. Selain itu, kajian khusus mengenai terma, dimensi, pengklasifikasian dan kajian penerokaan berhubung PKMI masih baru dan serba kekurangan. Di Malaysia, kajian seumpama ini masih kurang. Oleh itu, adalah menjadi satu keperluan untuk meneliti hal yang berkaitan PKMI ini di Malaysia.

Kajian ini juga diharap dapat memberi maklum balas kepada pihak berkepentingan seperti pelabur, pemberi pinjaman dan pengguna maklumat perakaunan. Hasil kajian dijangka dapat membantu pelabur tempatan dan antarabangsa dalam membuat keputusan pelaburan yang lebih berinformatif dan rasional. Pihak pelabur dan pemberi pinjaman akan dapat mengetahui keadaan semasa tahap pelaporan sesebuah syarikat berdasarkan indeks PKMI. Malahan,

pengguna maklumat perakaunan juga turut dapat mengetahui status semasa mengenai maklumat yang disediakan oleh sesebuah syarikat menerusi laman web. Ini sejajar dengan saranan oleh Institut Jawatankuasa Audit Malaysia agar syarikat awam di Malaysia perlu membina laman web syarikat bagi menyalurkan maklumat perniagaan kepada pengguna (*The Star*, 13 Mei 2009).

Justeru, makalah ini disusun seperti berikut: terma dan dimensi dijelaskan di bahagian kedua. Perbincangan dalam bahagian ketiga merujuk kepada pengklasifikasian PKMI. Manakala, bahagian seterusnya membincangkan kajian penerokaan di Malaysia dan peringkat antarabangsa. Makalah ini diakhiri dengan rumusan dan cadangan kajian.

Terma dan Dimensi

Melalui penelitian terhadap penggunaan terma yang digunakan oleh para pengkaji dalam hal berkaitan penyelidikan PKMI didapati banyak terma yang digunakan antaranya ialah; *business reporting on the internet, corporate disclosure by internet, corporate internet reporting, corporate internet financial reporting, corporate online reporting, digital reporting, electronic online reporting, electronic-based financial reporting, internet accounting, internet reporting, internet based business reporting, internet based corporate disclosure, internet-based financial reports, internet business reporting, internet for financial reporting, internet on corporate financial reporting, internet financial disclosure, internet financial reporting, online reporting, online corporate reporting, online financial reporting, web reporting, web-based accounting, web-based reporting, web financial reporting, web-based corporate reporting* dan *web-based financial reporting*. Hasil penelitian yang komprehensif terhadap terma berkaitan PKMI menunjukkan bahawa penyelidik hanya menyenaraikan terma, glosari atau istilah yang sesuai digunakan untuk mengkaji PKMI tanpa memberi takrifan yang jelas berhubung terma yang digunakan dalam kajian tersebut. Ini berkemungkinan disebabkan oleh fokus, skop dan objektif kajian adalah berbeza dalam kalangan penyelidik. Akhirnya, antara terma tersebut, terma *internet financial reporting* (IFR) merupakan terma yang sering kali digunakan oleh penyelidik.

Hasil penelitian literatur mendapati bahawa terdapat pelbagai definisi yang digunakan oleh para penyelidik untuk mewakili maksud PKMI (Ali Khan & Ismail, 2009). Kebanyakan penyelidik memasukkan set komprehensif penyata kewangan dan penyata kewangan penting yang dipetik daripada laporan tahunan bagi melayakkan sesebuah

syarikat dikategorikan sebagai syarikat yang mempraktikkan PKMI. Pendefinisian PKMI ini sama seperti penyelidik lain (Craven & Marston, 1999; Oyelere, Laswad & Fisher, 2003; Mohamad, Mohamed & Mohamed, 2003; Momany & Al-Shorman, 2006; Ali Khan & Ismail, 2009; Ali Khan, 2010).

Penelitian terhadap kajian lepas menghasilkan usaha untuk memberi input ke atas penyelidikan pelaporan dengan menggunakan indeks. Indeks pelaporan telah banyak dikaji dan digunakan bagi menjumlahkan kualiti maklumat dalam pelbagai hubungan (Parviainen, Schadewitz & Blevins, 2001). Dalam konteks PKMI, kebanyakan kajian menggunakan indeks pelaporan sebagai alat untuk mengkaji tahap PKMI dengan karakter spesifik syarikat (Debreceeny, Gray & Rahman, 2002; Oyelere et al., 2003; Xiao, Yang & Chow, 2004; Bonson & Escobar, 2006; Chan & Wickramasinghe, 2006; Celik, Ecer & Karabacak, 2006; Abdelsalam, Bryant & Street, 2007; Kelton & Yang, 2008; Al Arussi et al., 2009; Ali Khan, 2010; Aly et al., 2010).

Bagi tujuan semakan ke atas indeks pelaporan yang digunakan dalam penyelidikan PKMI, kertas penyelidikan daripada pelbagai sumber ilmiah telah dirujuk, disemak dan diteliti. Jadual 1 menunjukkan pelbagai dimensi yang telah digunakan dalam membangunkan indeks pelaporan yang berkaitan penyelidikan PKMI. Antara dimensi yang kerap digunakan dalam menentukan tahap PKMI ialah kandungan dan pembentangan; kandungan, pemsasaan, teknologi dan sokongan pengguna; dan pemsasaan. Dimensi kandungan merupakan dimensi yang sering digunakan oleh penyelidik dan turut digabungkan dengan dimensi yang lain seperti kandungan dan pemsasaan; kandungan, pemsasaan, teknologi dan sokongan pengguna; dan kandungan dan *usability*. Hasil kajian menunjukkan bahawa dimensi kandungan dan pembentangan merupakan dimensi yang paling popular serta kerap digunakan oleh penyelidik dalam bidang PKMI.

Jadual 1

Dimensi Pelaporan Kewangan menerusi Internet

Bil.	Dimensi	Penyelidik (Tahun)
1	Kandungan dan Pembentangan	IASC (1999), Debreceeny et al. (2002), Trabelsi et al. (2002), Marston dan Polei (2004), Xiao et al. (2004), Bonson dan Escobar (2006), Spanos (2006), Kelton dan Yang (2008), Ali Khan (2010), Aly et al. (2010)

(sambungan)

Bil.	Dimensi	Penyelidik (Tahun)
2	Kandungan, Pemasaan, Teknologi dan Sokongan Pengguna	Pirchegger dan Wagenhofer (1999), Lybaert (2002), Davey dan Homkajohn (2004), Pervan (2006), Chan dan Wickramasinghe (2006)
3	Pemasaan	Ettredge dan Gerdes (2005), Abdelsalam dan Street (2007), Abdelsalam dan El-Masry (2008), Ezat dan El-Masry (2008)
4	Atribut Am, Atribut Hubungan dengan Pelabur/Maklumat Kewangan, Atribut Laporan Tahunan dan Lain-lain Atribut	FASB (2000), Khadaroo (2005a), Celik et al. (2006)
5	Hubungan dengan Pelabur	Deller et al. (1999), Abdul Hamid dan Md Salleh (2005)
6	Pelaporan: Keperluan dan Sukarela	Ettredge et al. (2002), Mendes-da-Silva dan Christensen (2004)
7	Atribut Am dan Atribut Kewangan	Allam dan Lymer (2003), Lodhia et al. (2004)
8	Kandungan dan <i>Usability</i>	Abdelsalam et al. (2007)
9	Maklumat Perakaunan dan Maklumat Kewangan	Ettredge et al. (2001)

Pengklasifikasian Kajian Lepas Berkaitan PKMI

Dari segi kajian literatur yang berkaitan pelaporan perniagaan dan kewangan berasaskan web, FASB (2000) merumuskan sinopsis kajian lalu boleh diringkaskan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama menjuruskan kepada kajian yang melaporkan dapatan berbentuk kajian umum statistik deskriptif. Manakala, bahagian kedua lebih memfokus kepada ringkasan kajian yang cuba melihat di sebalik angka statistik yang cuba melaporkan sama ada wujud perbezaan pelaporan berasaskan web mempunyai hubungan dengan ciri-ciri syarikat seperti saiz syarikat.

Joshi dan Al-Modhahki (2003) menyatakan bahawa sorotan literatur dalam bidang penyelidikan PKMI boleh diklasifikasikan kepada dua tema iaitu: (1) praktis syarikat yang menggunakan Internet bagi tujuan pelaporan kewangan dan strategi komunikasi hubungan dengan pelabur, dan (2) faktor penentu bagi pemilihan pelaporan

berasaskan web. Joshi dan Al-Modhahki (2003) menjelaskan bahawa kajian dalam tema yang pertama termasuklah antara kajian awal yang dilakukan oleh Petravick dan Gillet (1996), Gowthorpe dan Flynn (1997), Lymer dan Tallberg (1997), dan Louwers et al. (1998). Kajian tersebut lebih terarah kepada keadaan dan lanjutan bagi PKMI pada laman web korporat syarikat di negara maju seperti AS, UK, Finland, Eropah, Ireland dan Australia. Joshi dan Al-Modhahki (2003) merumuskan bahawa bagi tema pertama, majoriti syarikat di negara maju mempunyai laman web korporat yang mengandungi pelbagai maklumat kewangan yang lengkap dan terperinci. Syarikat di negara maju menggunakan teknologi komunikasi yang terkini bagi pelaporan kewangan korporat disebabkan oleh ciri paparan yang unik dan kelebihan yang ditawarkan oleh Internet. Manakala, bagi tema yang kedua, Joshi dan Al-Modhahki (2003) menyatakan bahawa kajian PKMI lebih menjurus kepada mengenal pasti faktor penentu bagi polisi firma yang menggunakan Internet bagi tujuan pelaporan kewangan syarikat. Kajian awal dalam tema ini ialah seperti Flynn dan Gowthorpe (1997), Marston dan Leow (1998), Craven dan Marston (1999) dan Joshi dan Al-Bastaki (2000). Berdasarkan kepada tema kedua, Joshi dan Al-Modhahki (2003) menyimpulkan bahawa berasaskan kepada ciri paparan yang unik dan kelebihan yang ditawarkan oleh Internet, syarikat secara intensif menggunakan Internet untuk melaporkan maklumat kewangan bagi tujuan pelaporan kewangan dan hubungan dengan pelabur. Tambahan pula, persekitaran pelaporan di negara tempat bermaustatin dan lain-lain ciri demografi firma yang spesifik cenderung kepada mempengaruhi sesuatu amalan pelaporan.

Hassan et al. (1999) mengkelaskan sorotan karya dalam bidang penyelidikan PKMI kepada dua tema. Tema pertama menjurus kepada praktis bagi syarikat untuk tujuan pelaporan kewangan dan strategi komunikasi hubungan dengan para pelabur. Manakala, tema kedua ialah penentuan bagi pemilihan polisi PKMI. Menurut Oyelere et al. (2003) pula, sorotan literatur PKMI boleh diklasifikasikan kepada tiga tema utama iaitu: (1) faedah PKMI, spekulasi pada masa hadapan dan pengumuman profesional berkaitan PKMI, (2) kajian tinjauan bagi praktis PKMI bagi satu negara dan perbandingan antara pelbagai negara, dan (3) kriteria korporat yang mempunyai hubungan dengan pemilihan praktis PKMI.

Sorotan literatur PKMI boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu: (1) kajian secara deskriptif yang menerangkan latar belakang secara umum mengenai keadaan semasa mengenai PKMI, dan (2) kajian yang cuba untuk mengenal pasti faktor penentu yang mempunyai hubungan dengan perbezaan antara laman web syarikat (Marston &

Polei, 2004; Abdul Hamid & Md Salleh, 2005; Abdelsalam et al., 2007; Abdelsalam & El-Masry, 2008). Pervan (2005) pula dalam kajiannya mengenai PKMI mengklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu: (1) kajian ke atas aplikasi praktikal PKMI bagi sesebuah negara, (2) kajian secara perbandingan yang meliputi beberapa negara, dan (3) kajian ke atas faktor penentu yang mempengaruhi PKMI. Tambahan lagi, menurut Pervan (2006) mengklasifikasikan kajian lepas mengenai PKMI boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kajian deskriptif, kajian perbandingan dan kajian penerokaan.

Celik et al. (2006) menyatakan bahawa sorotan literatur dalam bidang PKMI boleh dibezakan penyelidikannya berasaskan tiga kategori iaitu kajian satu negara, kajian lebih daripada satu negara dan kajian antarabangsa. Bonson dan Escobar (2006) pula berpendapat kajian lepas mengenai PKMI lebih memfokus kepada dua bahagian iaitu pertama, kajian yang dilakukan oleh badan profesional perakaunan seperti ICAEW, IASB, CICA dan FASB. Kedua, kajian mengenai penyebaran digital maklumat perakaunan yang dijalankan oleh ahli akademik.

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis berpendapat bahawa sorotan literatur PKMI boleh dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu: (1) kajian mengenai PKMI sama ada bagi satu negara atau beberapa negara, (2) kajian berkaitan PKMI oleh badan profesional perakaunan, dan (3) kajian yang membincangkan mengenai ciri-ciri korporat yang mempunyai hubungan dengan PKMI.

Kajian PKMI di Malaysia

Kajian mengenai praktis PKMI di Malaysia masih berada pada peringkat permulaan (Hanifa & Ab. Rashid, 2005; Al Arussi et al., 2009). Ianya lebih menjurus kepada penggunaan Internet sebagai instrumen bagi strategi hubungan dengan pelabur dan pelaporan korporat dalam kalangan firma Malaysia (Hanifa & Ab. Rashid, 2005).

Isu PKMI di Malaysia mula dikaji oleh ilmuwan tempatan pada tahun 1999. Kajian dalam bidang ini terus mendapat perhatian bagi membincangkan isu seperti manfaat pelaporan menerusi laman web (Hassan, Jaaffar, Jahl & Mat Zain, 1999), sifat atau keadaan kualitatif pelaporan Internet (Nik Salleh & Mohamed, 2000), jenis maklumat yang dilaporkan (Atan, Mohamed & Yatim, 2000; Ismail & Tayib, 2000), pengelasan pembangunan web ke atas pelaporan kewangan (Keliwon & Aziz, 2005), praktis PKMI di antara Malaysia dengan

Singapura khususnya kesan impak teknologi web kepada pelaporan perniagaan (Khadaroo, 2005a), praktis PKMI dan kesannya pada pengauditan (Khadaroo, 2005b), maklumat hubungan dengan pelabur (Abdul Hamid, 2005), faktor penentu bagi syarikat yang mempraktikkan PKMI (Hanifa & Ab. Rashid, 2005), penggunaan Internet bagi hubungan dengan pelabur oleh syarikat Malaysia dan Singapura (Abdul Hamid, Md Salleh & Mohamad, 2006), kandungan dan aplikasi reka bentuk laman web syarikat (Mohamad, Saad, Ismail & Abdul Rahman, 2006) dan status laman web agensi kerajaan: laman web kerajaan persekutuan (Abdul Talib & Sulaiman, 2006), badan statutori negeri (Ahmad, Ismail & Ariffin, 2004) dan kerajaan tempatan (Othman, Said & Nasir, 2001; Salleh, 2004). Empat kajian terkini mengkaji kepentingan item bagi mengetahui tahap PKMI (Ali Khan & Ismail, 2008), dimensi PKMI (Ali Khan & Ismail, 2009), faktor penentu bagi pelaporan kewangan dan persekitaran menerusi Internet oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia (Al Arussi et al., 2009) dan indeks PKMI (Ali Khan, 2010).

Seterusnya, ulasan karya lepas PKMI di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu: kajian deskriptif dan kajian penjelasan (*exploration*). Namun begitu, penulisan makalah ini memberi tumpuan kepada kajian penerokaan.

Kajian Penerokaan

Sorotan literatur empirikal terawal di Malaysia berkaitan penyelidikan PKMI dijalankan oleh Hassan et al. (1999). Kajian Hassan et al. (1999) mengenai persepsi ketua pegawai kewangan daripada 247 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL, kini dikenali sebagai Bursa Malaysia) berkaitan kebergunaan pelaporan dan pelaporan maklumat kewangan di laman web syarikat. Soal selidik diposkan kepada responden dan mendapat maklum balas pada kadar 35.04 peratus. Kajian turut mengkaji hubungan antara praktis pelaporan berasaskan Internet dengan pemboleh ubah spesifik syarikat. Empat pemboleh ubah bebas digunakan iaitu saiz syarikat, keberuntungan, jenis industri dan firma audit. Ujian statistik yang digunakan ialah analisis univariat. Saiz syarikat dan keberuntungan merupakan faktor yang mempengaruhi secara signifikan keputusan untuk memiliki laman web korporat.

Hanifa dan Ab. Rashid (2005) mengkaji sama ada perbezaan polisi PKMI berkemungkinan disebabkan oleh karakter spesifik syarikat. Sebanyak 100 buah syarikat “terbesar” yang tersenarai di papan utama BSKL berasaskan pasaran permodalan bagi tahun

2001. Hasil analisis regresi menunjukkan bahawa saiz syarikat, keumpulan, pertumbuhan, pemilikan saham luar dan tumpuan para pemegang saham berhubungan terus dengan penerimaan PKMI oleh syarikat yang tersenarai. Syarikat bersaiz besar, lebih keumpulan, pertumbuhan yang tinggi, pemilikan saham luar yang tinggi dan tumpuan para pemegang saham yang tinggi mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menerima PKMI. Manakala, hasil kajian Abdul Hamid dan Md Salleh (2005) menunjukkan bahawa saiz syarikat dan pengklasifikasian industri mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kewujudan maklumat hubungan dengan pelabur dalam laman web syarikat.

Kajian terkini, kajian Al Arussi et al. (2009) mengenai pelaporan kewangan dan persekitaran secara sukarela dengan menguji enam pemboleh ubah tak bersandar. Hasil kajian Al Arussi et al. (2009) menunjukkan bahawa tahap teknologi, etnik pegawai ketua eksekutif dan saiz firma mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaporan kewangan dan persekitaran menerusi Internet. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan negatif yang signifikan di antara kewujudan personaliti yang dominan (*dominant personality*) dengan pelaporan kewangan dan persekitaran menerusi Internet. Manakala, keumpulan, kewujudan *dominant personalities* dan keberuntungan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaporan kewangan dan persekitaran menerusi Internet. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa 505 buah syarikat daripada 849 buah syarikat yang tersenarai (59%) di Bursa Malaysia mempunyai laman web. Ringkasan kajian terpilih mengenai praktis PKMI dan faktor penentu PKMI yang dilaksanakan di Malaysia adalah sepertimana yang dipaparkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 2

Beberapa Kajian Terpilih berkaitan Praktis PKMI di Malaysia

Penyelidik (Tahun)	Skop*	Tahun	Laman web	Akaun penuh
Hassan et al. (1999)	247 syarikat	1998	36%	46.1%
Atan et al. (2000)	50 syarikat teratas	1999	62%	45%
Ismail & Tayib (2000)	237 syarikat	1999	31.6%	11.5%
Nik Salleh & Mohamed (2000)	100 syarikat	2000	85%	35%
Mohamad et al. (2003)	868 syarikat	2002	27%	71%
Keliwon & Aziz (2005)	923 syarikat	2004	50.9%	28.9%
Al Arussi et al. (2009)	849 syarikat	-	59%	-

*Skop kajian berasaskan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Jadual 3

Ringkasan Kajian berkaitan Faktor Penentu bagi Pelaporan Kewangan menerusi Internet di Malaysia

Bil. Kajian	Pemboleh Ubah Bersandar (DV)	Pemboleh Ubah Tak Bersandar (IV)	Keputusan	
1	Al Arussi et al. (2009)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaporan kewangan dan persekitaran 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Etik pegawai ketua eksekutif ▪ Keupilan ▪ Tahap teknologi ▪ Kewujudan <i>dominant personalities</i> ▪ Keberuntungan ▪ Saiz syarikat ▪ Saiz syarikat ▪ Keberuntungan ▪ Keupilan ▪ Saiz syarikat ▪ Keberuntungan ▪ Pemilikan luar ▪ Jenis industri ▪ Saiz syarikat 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Signifikan (+) ▪ Tidak signifikan ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (-) ▪ Tidak signifikan ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Tidak signifikan ▪ Signifikan (+) ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Signifikan (+)
2	Ali Khan et al. (2007)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaporan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 1. Jumlah aset ▪ 2. Permodalan pasaran 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Signifikan (+) ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan
3	Abdul Hamid dan Md. Salleh (2005)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Maklumat hubungan dengan pelabur 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Keupilan ▪ Pertumbuhan ▪ Penyenaraian negara luar ▪ Tumpuan para pemegang saham ▪ Industri ▪ Status penyenaraian ▪ Jenis industri ▪ Saiz syarikat – jumlah aset ▪ Keuntungan ▪ Jenis industri ▪ Jenis juruaudit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan
4	Hanifa dan Ab. Rashid (2005)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaporan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Prestasi syarikat ▪ Keupilan ▪ Pertumbuhan ▪ Penyenaraian negara luar ▪ Tumpuan para pemegang saham ▪ Industri ▪ Status penyenaraian ▪ Jenis industri ▪ Saiz syarikat – jumlah aset ▪ Keuntungan ▪ Jenis industri ▪ Jenis juruaudit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan
5	Ismail dan Tayib (2000)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaporan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Prestasi syarikat ▪ Keupilan ▪ Pertumbuhan ▪ Penyenaraian negara luar ▪ Tumpuan para pemegang saham ▪ Industri ▪ Status penyenaraian ▪ Jenis industri ▪ Saiz syarikat – jumlah aset ▪ Keuntungan ▪ Jenis industri ▪ Jenis juruaudit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan
6	Hassan et al. (1999)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaporan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Prestasi syarikat ▪ Keupilan ▪ Pertumbuhan ▪ Penyenaraian negara luar ▪ Tumpuan para pemegang saham ▪ Industri ▪ Status penyenaraian ▪ Jenis industri ▪ Saiz syarikat – jumlah aset ▪ Keuntungan ▪ Jenis industri ▪ Jenis juruaudit 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Signifikan (+) ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan ▪ Tidak signifikan

Hasil kajian mengenai praktis PKMI menunjukkan terdapat perkembangan naik turun tahap penggunaan laman web untuk menyampaikan maklumat kewangan oleh syarikat di Malaysia. Peningkatan atau penurunan ini mungkin disebabkan oleh faktor sampel yang digunakan oleh pengkaji terdahulu adalah berbeza-beza menyumbang kepada kepelbagaian dapatan kajian. Tambahan pula, ada kajian yang mengkaji syarikat yang besar sahaja (contohnya berdasarkan pasaran permodalan) dan ada pula yang mengkaji semua syarikat. Malahan, kewujudan kelebihan dan kekurangan penggunaan Internet dalam menyebarkan maklumat korporat menyebabkan tidak semua syarikat memanfaatkan PKMI (Xiao et al., 2004).

Kesimpulannya, penelitian terhadap kajian-kajian lepas berhubung faktor penentu di Malaysia menunjukkan bahawa tahap PKMI dipengaruhi oleh saiz syarikat (Al Arussi et al., 2009; Ali Khan et al., 2007; Hanifa & Ab. Rashid, 2005; Abdul Hamid & Md Salleh, 2005; Hassan et al., 1999), keberuntungan (Ali Khan et al., 2007; Hassan et al., 1999), keumpulan (Hanifa & Ab. Rashid, 2005), jenis industri (Abdul Hamid & Md Salleh, 2005), pertumbuhan (Hanifa & Ab. Rashid, 2005), penyenaaran luar negara (Hanifa & Ab. Rashid, 2005) dan tahap teknologi (Al Arussi et al., 2009).

Secara keseluruhan, kajian PKMI di Malaysia lebih menjurus kepada kajian secara deskriptif. Kebanyakan penyelidikan dilakukan untuk mengetahui praktis, maklumat kewangan dan status pelaporan kewangan berasaskan laman web yang dilaporkan dalam laporan tahunan oleh syarikat menerusi Internet. Selain itu, terdapat juga beberapa kajian di Malaysia yang cuba mengkaji ciri-ciri korporat yang mempunyai hubungan dengan PKMI (Hassan et al., 1999; Hanifa & Ab. Rashid, 2005; Al Arussi et al., 2009). Wujud cadangan kajian pada masa akan datang supaya melihat aspek yang berkaitan dengan pembinaan indeks bagi meramal kualiti laman web bagi industri yang wujud di Malaysia (Mohamad et al., 2006). Ini merupakan satu peluang untuk dibuat kajian yang lebih menyeluruh ke atas laman web syarikat bagi menilai kualiti maklumat kewangan yang dilaporkan dalam laporan tahunan menerusi Internet. Lagipun, tiada perundangan yang ditetapkan berkaitan dengan PKMI di Malaysia (Hassan et al., 1999; Hanifa & Ab. Rashid, 2005) menyebabkan maklumat kewangan yang dilaporkan menerusi Internet bergantung kepada ketersediaan sesebuah syarikat. Sekiranya pelaporan dilakukan, ia adalah berasaskan pelaporan secara sukarela oleh sesebuah syarikat dalam menyampaikan maklumat kepada para pengguna maklumat kewangan.

Namun begitu, mulai 3 Ogos 2009 semua syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia perlu mempunyai laman web dan memasukkan pengumuman yang dibuat oleh syarikat kepada Bursa Malaysia di dalam laman web syarikat (Bursa Malaysia, 8 Mei 2009). Seterusnya, laman web syarikat perlu mempunyai maklumat berkaitan alamat e-mel, nama pegawai yang bertanggungjawab dan nombor telefon untuk dihubungi oleh pihak awam. Laman web syarikat adalah laman web yang terkini, informatif dan mengandungi segala maklumat yang relevan kepada pemegang saham termasuklah ringkasan analisis (Bursa Malaysia, 8 Mei 2009).

Kajian PKMI di Peringkat Antarabangsa

Menurut FASB (2000), laman web hanya dikomersialkan pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang begitu pesat berlaku terhadap bilangan syarikat di seluruh dunia yang mewujudkan laman web syarikat. Kebanyakan syarikat menyalurkan maklumat kewangan dan perniagaan menerusi laman web syarikat.

Sebenarnya, penyelidikan berkaitan PKMI telah dipelopori oleh sarjana barat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa laman web di Sweden dibangunkan sebelum tahun 1995 (Hedlin, 1999). Manakala, di Malaysia bidang ini mula mendapat perhatian oleh para ilmuan tempatan pada akhir tahun 1990-an iaitu mulai 1999 (Hassan et al., 1999). Seterusnya, minat dan kajian dalam penyelidikan mengenai pelaporan berasaskan laman web telah meningkat dengan meluas sejak kebelakangan ini (Oyelere et al., 2003; Marston & Polei, 2004; Bonson & Escobar, 2006) serta menjadi topik penyelidikan yang berpotensi untuk dikaji (Kelton & Yang, 2005; Xiao, Jones & Lymer, 2005).

Pelaporan maklumat korporat menerusi Internet menjadi tarikan sebagai bahan rujukan oleh pelbagai badan profesional perakaunan dan ahli akademik. Badan perakaunan profesional turut menerbitkan beberapa kajian yang menganalisis kemungkinan akibat daripada praktis PKMI ke atas profesion perakaunan. Beberapa kajian yang dilakukan adalah merupakan cubaan pertama ke arah pemantapan piawaian untuk mengharmonikan kedua-dua bentuk pelaporan maklumat secara digital iaitu kandungan dan format (Bonson & Escobar, 2006).

Seterusnya, ulasan karya lepas berkaitan penyelidikan PKMI di luar Malaysia difokuskan kepada kajian penerokaan.

Kajian Penerokaan

Kajian deskriptif lebih bersifat memberi gambaran latar belakang penggunaan semasa bagi PKMI dan ianya tidak memberikan alasan bagi perbezaan dalam kualiti dan kuantiti maklumat yang dibentangkan dalam jaringan sejagat. Manakala, kajian penerokaan cuba mengaitkan pemboleh ubah bebas dengan tahap pelaporan secara sukarela menerusi Internet (Marston & Polei, 2004). Malahan, kajian dalam bidang PKMI memberikan gambaran yang amat berguna mengenai faktor penentu bagi syarikat membuat pemilihan pelaporan menggunakan Internet (Kelton & Yang, 2008).

Berdasarkan teori seperti teori agensi, teori pemberitahuan (*signalling theory*), teori penyebaran inovasi (*innovation diffusion theory*), terdapat banyak kajian yang mengkaji faktor penentu bagi PKMI (contohnya, Debrecey et al., 2002; Ettredge et al., 2002; Xiao et al., 2004; Bonson & Escobar, 2006; Abdelsalam et al., 2007). Terdapat banyak faktor penentu atau ciri syarikat yang telah diuji, biasanya berdasarkan kepada kajian pelaporan korporat bercetak (*hardcopy*). Ini termasuklah saiz syarikat, keumpulan, jenis industri, keberuntungan, firma audit dan sebagainya.

Flynn dan Gowthorpe (1997) menganalisis praktis PKMI bagi 100 buah syarikat kelompok teratas *Fortune Global 500* dan mendapati bahawa syarikat mempraktikkan PKMI melalui kaedah yang berbeza bergantung kepada keadaan ekonomi dan latar belakang budaya di mana syarikat itu ditubuhkan. Kajian yang lain, Marston dan Leow (1998) menguji hubungan di antara ciri syarikat dengan praktis PKMI ke atas 100 buah syarikat FTSE di UK pada tahun 1996. Kerangka kerja teoritikal kajian tersebut dibangunkan berdasarkan hubungan prinsipal agensi, teori proses politik dan teori pemberitahuan dan analisis kos bermanfaat. Kajian Marston dan Leow (1998) melaporkan terdapat hubungan signifikan yang positif di antara saiz syarikat dengan praktis PKMI. Ini bermaksud syarikat yang bersaiz besar lebih cenderung memasukkan maklumat kewangan dalam laman web syarikat berbanding dengan syarikat yang bersaiz kecil.

Hasil kajian Marston dan Leow (1998) turut disokong oleh kajian Ashbaugh et al. (1999), dan Craven dan Marston (1999) yang mendapati bahawa syarikat besar di AS dan UK mempunyai tahap PKMI yang lebih tinggi berbanding syarikat kecil. Craven dan Marston (1999) mendapati jenis industri tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap PKMI. Pirchegger dan Wagenhofer (1999)

turut mendapati saiz syarikat dan keberuntungan mempengaruhi tahap PKMI bagi syarikat Austria tetapi tidak signifikan bagi syarikat Jerman.

Ashbaugh, Johnstone dan Warfield (1999) mengkaji praktis PKMI bagi syarikat di AS. Sampel sebanyak 290 buah syarikat dikenal pasti melalui *Association for Investment Management and Research* (AIMR) pada tahun 1996. Laman web syarikat diperoleh dengan menggunakan enjin pencarian Internet dan seterusnya kandungan laman web syarikat dikaji. Hasil kajian mendapati 87 peratus daripada 290 buah syarikat mempunyai laman web. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan bilangan laman web syarikat antara jenis industri yang berlainan. Terdapat 100 peratus industri pembuatan mempunyai laman web berbanding dengan hanya 73 peratus bagi industri perlombongan dan pertanian. Manakala, 61 peratus syarikat terlibat dalam PKMI dengan 42 peratus mempersembahkan penyata kewangan dengan komprehensif termasuk nota kaki dan laporan juruaudit dan/atau 38 peratus syarikat mempunyai sambungan kepada laporan tahunan mereka melalui laman web mereka. Sepertimana kajian Marston dan Leow (1998), dan Craven dan Marston (1999), hasil kajian ini dengan menggunakan analisis regresi turut melaporkan bahawa hanya saiz syarikat sahaja yang merupakan pemboleh ubah tak bersandar yang signifikan. Manakala, pemboleh ubah tak bersandar lain seperti keberuntungan, pemilikan individu dan praktis penilaian AIMR adalah tidak signifikan.

Breenan dan Hourigan (2000) mengkaji praktis PKMI di Ireland dengan sampel kajian berjumlah 108 buah syarikat. Hasil kajian Breenan dan Hourigan (2000) mendapati bahawa syarikat bersaiz besar secara signifikan lebih cenderung mempunyai laman web, namun keumpulan dan permintaan bagi maklumat korporat tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Syarikat di industri kewangan dan perkhidmatan lebih cenderung mempunyai laman web syarikat.

Kajian mengenai faktor penentu bagi PKMI di AS dilakukan oleh Ettredge et al. (2002) dengan membuat perbezaan antara item pelaporan secara mandatori oleh SEC dan item yang tidak diperlukan oleh perundangan. Hasil kajian Ettredge et al. (2002) menunjukkan bahawa item pelaporan mandatori mempunyai hubungan yang signifikan hanya bagi saiz syarikat dan asimetri maklumat. Manakala, item pelaporan secara sukarela didapati mempunyai hubungan dengan saiz syarikat, ketidakselarian maklumat, permintaan bagi modal dalaman dan reputasi pelaporan. Namun begitu, kajian ini hanya mengkaji aspek kandungan bagi pelaporan.

Ismail (2002) menjalankan kajian berkenaan pelaporan maklumat kewangan menerusi Internet bagi 128 buah syarikat di negara Kesatuan Kerjasama Gulf atau *Gulf Co-operation Council* (GCC). Hasil kajian Ismail (2002) menunjukkan bahawa 55 buah syarikat (39.07%) mempunyai laman web dan mempraktikkan PKMI, dan selebihnya 78 buah syarikat (60.93%) tidak mempunyai laman web atau menyalurkan maklumat bukan kewangan menerusi Internet. Hasil kajian Ismail (2002) turut menunjukkan bahawa saiz syarikat, keumpulan dan keberuntungan merupakan faktor penentu bagi PKMI.

Bonson dan Escobar (2002) menjalankan kajian mengenai praktis PKMI bagi 300 buah syarikat Kesatuan Eropah. Hasil kajian Bonson dan Escobar (2002) menunjukkan maklumat yang disediakan oleh syarikat besar di Eropah adalah bergantung kepada sektor industri, saiz syarikat dan negara asal sesebuah syarikat itu beroperasi. Manakala, kajian Larran dan Giner (2002) berkenaan dengan praktis PKMI oleh syarikat di Sepanyol menunjukkan bahawa saiz syarikat merupakan faktor utama yang menjelaskan kuantiti dan kualiti maklumat kewangan yang dibentangkan menerusi Internet.

Debreceny et al. (2002) mendapati penerimaan sukarela bagi praktis PKMI di 22 buah negara mempunyai hubungan dengan saiz syarikat dan status penyenaian di Bursa Saham AS, tetapi tidak mempunyai hubungan dengan keumpulan, risiko, penembusan Internet di negara. Bertentangan dengan Ettredge et al. (2002), kajian ini membezakan format pembentangan dan kandungan pelaporan. Hasil kajian Debreceny et al. (2002) menunjukkan bahawa tahap teknologi dan persekitaran pelaporan mempunyai hubungan dengan format pembentangan, tetapi tidak bagi kandungan pelaporan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membezakan antara item pelaporan mandatori atau secara sukarela.

Kajian Allam dan Lymer (2003) menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan di antara saiz syarikat dengan tahap PKMI oleh syarikat di AS, UK, Kanada dan Hong Kong, tetapi tidak bagi syarikat di Australia. Manakala, wujud perbezaan yang signifikan tahap PKMI bagi syarikat di kelima-lima negara tersebut. Manakala, Marston (2003) pula mengkaji praktis PKMI bagi 99 buah syarikat utama Jepun pada tahun 1998 serta menguji hubungan antara saiz syarikat, keuntungan dan jenis industri dengan tahap PKMI. Sebanyak 100 buah syarikat Jepun tersenarai yang utama dikenal pasti daripada FT-1000 pada tahun 1998. Hasil kajian menunjukkan bahawa 92 peratus daripada 99 buah syarikat Jepun mempunyai laman web. 79 peratus daripada syarikat tersebut mempunyai laman web

dalam versi English dan 69 peratus syarikat melaporkan maklumat kewangan melalui laman web syarikat. Terdapat sebanyak 58 peratus syarikat melaporkan maklumat kewangan dengan komprehensif termasuklah sekurang-kurangnya kunci kira-kira dan akaun untung dan rugi manakala 11 peratus syarikat mempersembahkan maklumat yang penting dan/atau ringkasan maklumat kewangan. Hasil univariat menunjukkan bahawa saiz syarikat merupakan pemboleh ubah tak bersandar yang signifikan. Manakala, pemboleh ubah tak bersandar lain seperti keberuntungan, status penyenaian dan jenis industri menunjukkan hubungan yang tidak signifikan.

Oyelere et al. (2003) menjalankan kajian dengan menyelidiki penerimaan penggunaan Internet secara sukarela sebagai satu medium untuk menyebarkan laporan kewangan dan mengkaji faktor penentu bagi praktis secara sukarela oleh syarikat yang tersenarai di New Zealand. Hasil kajian Oyelere et al. (2003) menunjukkan bahawa beberapa faktor penentu bagi pelaporan kewangan secara tradisional seperti saiz syarikat, kecairan, sektor industri, dan penyebaran pegangan saham (*spread of shareholding*) juga merupakan faktor penentu bagi praktis PKMI. Manakala, karakter spesifik syarikat yang lain seperti keumpulan, keberuntungan dan pengantarabangsaan didapati tidak mempengaruhi pemilihan untuk menggunakan Internet bagi tujuan pelaporan kewangan korporat.

Xiao et al. (2004) mengkaji praktis PKMI oleh syarikat yang tersenarai di China. Hasil kajian Xiao et al. (2004) menunjukkan bahawa syarikat yang bersaiz besar lebih cenderung untuk mempraktikkan PKMI. Kajian Xiao et al. (2004) mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan dan positif antara pelaporan mandatori dan sukarela. Hasil kajian menunjukkan dimensi pembentangan bagi PKMI mempunyai hubungan dengan firma audit *Big-5* dan firma dalam industri teknologi maklumat. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa wujud hubungan yang positif dan signifikan antara kadar milikan sah individu dengan tahap PKMI, tetapi tidak wujud hubungan yang signifikan antara milikan para pelabur tempatan swasta, para pelabur luar dan negara dengan tahap PKMI. Tambahan lagi, pemilikan luar negara mempunyai hubungan positif dan signifikan antara syarikat yang mempunyai laman web dalam versi English dengan tahap PKMI. Selain itu, hasil kajian melaporkan bahawa kadar pengarah bebas mempunyai hubungan positif di antara dimensi pembentangan, pelaporan sukarela, dan terdapatnya laman web dalam bahasa Inggeris dengan tahap PKMI.

Celik et al. (2006) mengkaji faktor penentu bagi PKMI ke atas 253 buah syarikat di Turki. Hasil kajian Celik et al. (2006) menunjukkan bahawa

saiz syarikat, pengklasifikasian industri dan pengantarabangsaan merupakan faktor yang mempengaruhi tahap PKMI. Walau bagaimanapun, struktur pemilikan, pelabur institusi dan prospek pertumbuhan didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap PKMI.

Pervan (2006) mengkaji PKMI di dua buah negara iaitu Croatia dan Slovenia. Hasil kajian Pervan (2006) menunjukkan bahawa skor PKMI oleh syarikat di Slovenia adalah lebih tinggi berbanding syarikat di Croatia. Hasil dapatan kajian Pervan (2006) turut menunjukkan bahawa skor PKMI mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan saiz syarikat, keberuntungan, bilangan pemegang saham dan amaun trafik dalam pasaran modal bagi syarikat di Croatia. Manakala, skor PKMI mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penyenaian secara rasmi, kadar pasaran permodalan dan nisbah pasaran kepada nilai buku bagi saham bagi syarikat di Slovenia.

Chan dan Wickramasinghe (2006) mengkaji praktis PKMI dan hubungan antara kualiti firma perakaunan awam di Australia dengan kandungan dan reka bentuk laman web pelanggannya. Hasil kajian Chan dan Wickramasinghe (2006) menunjukkan bahawa saiz syarikat (diukur menggunakan pasaran permodalan) mempunyai hubungan yang signifikan dengan praktis PKMI, tetapi kualiti firma perakaunan awam tidak mempunyai hubungan dengan praktis PKMI. Dapatan kajian Chan dan Wickramasinghe (2006) turut melaporkan bahawa wujud hubungan negatif yang signifikan antara firma audit *Big 5* dengan praktis PKMI, manakala pemboleh ubah bebas seperti keberuntungan, keupayaan, kecairan dan risiko sistematik didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan praktis PKMI. Syarikat di sektor perbankan dan industri perkilangan lebih cenderung untuk mempraktikkan PKMI.

Kajian Bonson dan Escobar (2006) menunjukkan bahawa saiz syarikat, syarikat di sektor kewangan dan syarikat yang diaudit oleh firma audit *Big 4* mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap PKMI. Manakala, kajian Ali Khan, Bajaher dan Ismail (2007) pula menunjukkan bahawa saiz syarikat dan keberuntungan merupakan faktor penentu bagi PKMI dalam kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Saudi. Seterusnya, hasil kajian Mohamed, Oyelere dan Al-Busaidi (2009) melaporkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara praktis PKMI dengan sektor industri.

Abdelsalam dan Street (2007) mengkaji beberapa pemboleh ubah berkaitan tadbir urus korporat dan karakter spesifik syarikat dengan pemasaan bagi PKMI. Hasil kajian Abdelsalam dan Street (2007)

menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pemsasaan bagi PKMI dengan karakter tadbir urus korporat iaitu pengalaman lembaga pengarah dan kebebasan lembaga pengarah (hubungan yang negatif). Hasil kajian turut menunjukkan bahawa lembaga pengarah yang kurang pengarah, lebih berpengalaman dan kurang tempoh sebagai pengarah eksekutif menyediakan lebih cepat PKMI.

Barako, Rusmin dan Tower (2008) mengkaji faktor penentu bagi kewujudan laman web atau tidak bagi syarikat yang tersenarai di Indonesia. Hasil kajian Barako et al. (2008) menunjukkan bahawa saiz syarikat dan umur penyenaraian mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kewujudan laman web. Manakala, hasil kajian Barako et al. (2008) turut melaporkan bahawa keumpulan, keberuntungan, tumpuan pemilikan, komposisi lembaga pengarah dan jenis industri tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kewujudan laman web.

Ezat dan El-Masry (2008) menjalankan kajian berkaitan pemboleh ubah utama yang mempengaruhi pemsasaan bagi PKMI oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Cairo dan Alexandria, Egypt. Hasil kajian Ezat dan El-Masry (2008) mendapati hubungan yang signifikan antara pemsasaan bagi PKMI dengan saiz syarikat, jenis industri, kecairan, struktur pemilikan, nisbah ahli lembaga pengarah dan saiz lembaga pengarah. Manakala, hasil kajian tidak dapat menyokong hubungan signifikan antara keberuntungan, keumpulan, saham yang diterbitkan dan *role duality* dengan pemsasaan bagi PKMI. Joshi dan Gao (2009) pula mengkaji praktis dan faktor penentu pelaporan korporat sosial dan persekitaran menerusi Internet bagi syarikat multinasional. Hasil kajian Joshi dan Gao (2009) menunjukkan bahawa saiz syarikat dan keberuntungan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaporan korporat sosial menerusi Internet.

Hasil kajian mendapati bahawa kajian yang bersifat untuk mencari perkaitan atau penjelasan berkaitan PKMI lebih tertumpu kepada apakah faktor yang mempunyai hubungan dengan syarikat yang mempraktikkan PKMI. Ringkasan bagi kajian terpilih yang memperihalkan pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi PKMI diperincikan dalam Jadual 4. Hasil kajian menunjukkan bahawa saiz syarikat merupakan faktor penentu yang paling dominan mempengaruhi PKMI. Manakala, pemboleh ubah bebas lain menunjukkan keputusan yang tidak konsisten atau bercampur aduk dalam mempengaruhi PKMI.

Jadual 4

Ringkasan Keputusan Pembolehubah Bebas berkaitan PKMI

Bil.	Pembolehubah Bebas	Keputusan	Penyelidik (Tahun)
1	Saiz syarikat	Signifikan (+)	Al Arussi et al. (2009), Abdelsalam dan El-Masry (2008), Ezat dan El-Masry (2008), Kelton dan Yang (2008), Ali Khan et al. (2007), Bonson dan Escobar (2006), Chan dan Wickramasinghe (2006), Pervan (2005), Hanifa dan Ab. Rashid (2005) – Jumlah aset, Abdul Hamid dan Md Salleh (2005), Laswad et al. (2005), Marston dan Polei (2004), Mandes-da-Silva dan Christenen (2004), Xiao et al. (2004), Joshi dan Al-Modhahki (2003), Marston (2003), Oyelere et al. (2003), Ettredge et al. (2002), Debreceeny et al. (2002), Ismail (2002), Ashbaugh et al. (1999), Craven dan Marston (1999), Hassan et al. (1999), Pirchegger dan Wagenhofer (1999) (Austria: 1997,1998),
2	Jenis industri	Signifikan (+)	Bonson dan Escobar (2006), Chan dan Wickramasinghe (2006) – Perbankan dan Perkilangan, Abdul Hamid dan Md Salleh (2005), Joshi dan Al-Modhahki (2003), Oyelere et al. (2003)
		Tidak signifikan	Mohamed et al. (2009), Chan dan Wickramasinghe (2006) – Perlombongan, Hanifa dan Ab. Rashid (2005), Marston (2003), Ismail (2002), Ismail dan Tayib (2000), Hassan et al. (1999), Craven dan Marston (1999)

(sambungan)

Bil.	Pemboleh Ubah Bebas	Keputusan	Penyelidik (Tahun)
3	Firma audit	Signifikan (+) Signifikan (-) Tidak signifikan	Kelton dan Yang (2008), Bonson dan Escobar (2006) Chan dan Wickramasinghe (2006) Joshi dan Al-Modhahki (2003), Hassan et al. (1999)
4	Keupilan	Signifikan (+) Tidak signifikan	Hanifa dan Ab. Rashid (2005), Laswad et al. (2005), Ismail (2002) Al Arussi et al. (2009), Ezat dan El-Masry (2008), Ali Khan et al. (2007), Chan dan Wickramasinghe (2006), Mandes-da-Silva dan Christenen (2004), Oyelere et al. (2003), Debreceeny et al. (2002)
5	Keberuntungan	Signifikan (+) Signifikan (-) Tidak signifikan	Ali Khan et al. (2007), Ismail (2002), Hassan et al. (1999) Mandes-da-Silva dan Christenen (2004) Al Arussi et al. (2009), Abdelsalam dan El-Masry (2008), Ezat dan El- Masry (2008), Chan dan Wickramasinghe (2006), Momany dan Al- Shorman (2006), Abdul Hamid dan Md Salleh (2005), Marston dan Polei (2004), Xiao et al. (2004), Marston (2003), Joshi dan Al-Modhahki (2003), Oyelere et al. (2003), Ashbaugh et al. (1999)
6	Penyenaraian negara luar / Antarabangsa	Signifikan (+) Signifikan (-) Tidak signifikan	Hanifa dan Ab. Rashid (2005), Marston dan Polei (2004) bagi 2003 Debreceeny et al. (2002) – PKMI-P Xiao et al. (2004), Marston (2003), Oyelere et al. (2003), Ismail dan Tayib (2000)
7	Kecairan	Signifikan (+) Tidak signifikan	Ezat dan El-Masry (2008), Oyelere et al. (2003) Chan dan Wickramasinghe (2006)

(sambungan)

Bil.	Pemboleh Ubah Bebas	Keputusan	Penyelidik (Tahun)
8	Prestasi	Tidak signifikan	Hanifa dan Ab. Rashid (2005), Mandes-da-Silva dan Christenen (2004), Ettredge et al. (2002) – INDEK
9	Risiko sistematik (BETA)	Tidak signifikan	Chan dan Wickramasinghe (2006), Marston dan Polei (2004), Joshi dan Al-Modhahki (2003), Debreceeny et al. (2002)
10	Pertumbuhan	Signifikan (+)	Hanifa dan Ab. Rashid (2005)
11	Asal usul Negara	Tidak signifikan	Bonson dan Escobar (2006), Joshi dan Al-Modhahki (2003)
12	Struktur pemilikan	Signifikan (+) Signifikan (-)	Ezat dan El-Masry (2008), Marston dan Polei (2004) bagi 2000 Oyelele et al. (2003)
13	Peratusan saham yang disebut secara percuma (<i>free quoted</i>)	Signifikan (+)	Pervan (2005)
14	Pemilikan luar	Tidak signifikan	Abdul Hamid dan Md Salleh (2005)
15	Tumpuan para pemegang saham	Signifikan (+)	Hanifa dan Ab. Rashid (2005)
16	Peratusan saham ekuiti dipegang pelabur individu	Tidak signifikan	Ashbaugh et al. (1999)
17	Etnik pegawai ketua eksekutif	Tidak signifikan	Al Arussi et al. (2009)
18	Jumlah saham yang diterbitkan	Signifikan (+)	Pirchegger dan Wagenhofer (1999)
19	Bilangan pemegang saham	Tidak signifikan	Breenan dan Hourigan (1998)
20	Tahap teknologi	Signifikan (+)	Al Arussi et al. (2009), Debreceeny et al. (2002) – PKMI-P
21	Kewujudan <i>dominant personalities</i>	Tidak signifikan	Al Arussi et al. (2009)

Kesimpulannya, penelitian terhadap kajian-kajian lepas berhubung faktor penentu PKMI di peringkat antarabangsa mendapati bahawa tahap PKMI dipengaruhi oleh saiz syarikat (Abdelsalam & El-Masry, 2008; Ezat & El-Masry, 2008; Kelton & Yang, 2008; Bonson & Escobar, 2006; Chan & Wickramasinghe, 2006; Pervan, 2005; Laswad et al., 2005; Marston & Polei, 2004; Mandes-da-Silva & Christenen, 2004; Xiao et al., 2004; Joshi & Al-Modhahki, 2003; Marston, 2003; Oyelere et al., 2003; Ettredge et al., 2002; Debreceny et al., 2002; Ismail, 2002; Ashbaugh et al., 1999; Craven & Marston, 1999; Pirchegger & Wagenhofer, 1999), jenis industri (Bonson & Escobar, 2006; Chan & Wickramasinghe, 2006; Joshi & Al-Modhahki, 2003; Oyelere et al., 2003), firma audit (Kelton & Yang, 2008; Bonson & Escobar, 2006), keumpulan (Laswad et al., 2005; Ismail, 2002), keberuntungan (Ismail, 2002), penyenaian luar negara (Marston & Polei, 2004), kecairan (Ezat & El-Masry, 2008; Oyelere et al., 2003), struktur pemilikan (Ezat & El-Masry, 2008; Marston & Polei, 2004), jumlah saham yang diterbitkan (Pirchegger & Wagenhofer, 1999) dan tahap teknologi (Debreceny et al., 2002).

Perbincangan

Setelah membuat penelitian kajian lepas yang komprehensif dalam bidang PKMI, beberapa rumusan penting boleh diaplikasikan di bahagian ini. Pertama, hasil penelitian literatur mendapati bahawa terdapat pelbagai terma dan definisi yang digunakan dalam kalangan para penyelidik untuk mewakili maksud PKMI. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terma pelaporan kewangan menerusi Internet (PKMI) atau *Internet Financial Reporting* (IFR) merupakan terma yang popular dalam kalangan para penyelidik. Seterusnya, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan penyelidik memasukkan set komprehensif penyata kewangan dan penyata kewangan penting yang dipetik daripada laporan tahunan bagi melayakkan sesebuah syarikat dikategorikan sebagai syarikat yang mempraktikkan PKMI.

Kedua, pelbagai dimensi telah digunakan bagi menggambarkan indeks pelaporan bagi PKMI. Hasil penelitian literatur terhadap penggunaan dimensi dalam kajian PKMI menunjukkan bahawa dimensi yang digunakan tidak konsisten dalam kalangan para penyelidik bagi mewakili tahap PKMI. Perbezaan ini menyumbang kepada perbezaan dapatan kajian. Ianya juga menyukarkan untuk membuat perbandingan antara penyelidikan. Hasil kajian turut melaporkan bahawa tiada penekanan yang jelas ke atas dimensi yang khusus bagi PKMI dalam kalangan penyelidik. Walau bagaimanapun,

kebanyakan penyelidik menggunakan dua dimensi utama bagi mengetahui tahap PKMI, iaitu (1) kandungan, pemasaan, teknologi dan sokongan pengguna (Pirchegger & Wagenhofer, 1999; Lybaert, 2002; Davey & Homkajohn, 2004; Chan & Wickramasinghe, 2006), dan (2) kandungan dan pembentangan (IASC, 1999; Debreceeny et al., 2002; Marston & Polei, 2004; Trabelsi et al., 2004; Xiao et al., 2004; Spanos, 2006; Bonson & Escobar, 2006; Kelton & Yang, 2008; Aly et al., 2010; Ali Khan, 2010). Namun begitu, berdasarkan penelitian sorotan literatur yang komprehensif mengenai perkara ini, penyelidik mendapati kurang perhatian diberikan untuk mengkaji integrasi antara kedua-dua dimensi utama tersebut dan ini memerlukan kajian lanjutan.

Ketiga, sebarang perubahan dalam sistem komunikasi akan memberi impak yang besar dan cabaran yang hebat bukan sahaja kepada syarikat dan *regulator* tetapi juga akauntan. Salah satu cabaran penting yang berkaitan kualiti maklumat yang dipersembahkan dalam laman web korporat ialah ketiadaan garis panduan yang dikeluarkan oleh *regulator* (Seetharaman & Subramaniam, 2006). Seetharaman dan Subramaniam (2006) menyatakan masih belum ada peraturan dan piawaian berkaitan penyebaran maklumat menerusi laman web daripada mana-mana badan profesional atau agensi kerajaan. Keadaan ini menyebabkan kualiti dan kandungan PKMI adalah berbeza-beza di antara syarikat. Sehingga kini, PKMI masih bersifat sukarela tanpa sebarang perundangan atau garis panduan bagi mengawal dan menjelaskan maklumat yang disampaikan dengan cara yang komprehensif (Ashbaugh et al., 1999; Bonson & Escobar, 2002; Marston & Polei, 2004; Hanifa & Ab. Rashid, 2005; Momany & Shorman, 2006; Kelton & Yang, 2008; Ismail & Sobhy, 2009).

Keempat, kajian PKMI di Malaysia lebih bersifat deskriptif. Kebanyakan kajian lepas bertujuan untuk mengetahui apakah praktis, jenis maklumat dilaporkan dan status PKMI. Selain itu, terdapat juga usaha yang dijalankan untuk mengkaji ciri syarikat yang mempunyai hubungan dengan PKMI di Malaysia (sebagai contoh, Hassan et al., 1999; Hanifa & Ab. Rashid, 2005; Al Arussi et al., 2009; Ali Khan, 2010). Keadaan ini mencetuskan cadangan supaya melihat aspek berkaitan dengan pembinaan indeks bagi meramal kualiti PKMI yang wujud di Malaysia (Mohamad et al., 2006). Ini merupakan peluang untuk mengkaji dengan lebih menyeluruh ke atas laman web syarikat. Seterusnya, menilai kualiti maklumat kewangan yang dilaporkan dalam laporan tahunan menerusi Internet dengan menggunakan indeks pelaporan.

Kelima, terdapat pelbagai faktor penentu yang mempengaruhi PKMI. Namun begitu, hasil penelitian literatur terhadap pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi PKMI mendapati bahawa saiz syarikat merupakan faktor penentu yang paling dominan. Faktor penentu lain menunjukkan keputusan yang bercampur aduk dalam mempengaruhi PKMI. Indeks pelaporan dibentuk dan dipertimbangkan sebagai alat penyelidikan yang penting bagi mengkaji hubungan antara karakter spesifik syarikat dengan tingkah laku korporat (Marston & Shrivess, 1991; Celik et al., 2006), seperti PKMI. Hasil penelitian literatur jelas menunjukkan bahawa pembentukan indeks pelaporan bukannya suatu yang mudah kerana ianya melibatkan unsur penilaian secara subjektif yang menjadi sebahagian kerja penyelidikan (Marston & Shrivess, 1991).

Rumusan dan Cadangan

Makalah ini bertujuan untuk mengupas kajian lepas berkaitan PKMI. Berdasarkan kepada sorotan literatur maka dapat dirumuskan bahawa dimensi pembentangan dan kandungan merupakan dimensi yang berupaya untuk mengukur tahap PKMI. Dimensi kandungan akan memberikan maklumat mengenai jenis maklumat yang dilaporkan oleh syarikat menerusi laman web. Manakala, dimensi pembentangan pula akan memberikan maklumat mengenai penggunaan ciri paparan terkini dalam menyebarkan maklumat korporat dan reka bentuk laman web sesebuah syarikat.

Namun begitu, kupasan kajian lepas turut tidak terlepas daripada kekangan iaitu ketiadaan satu standard atau piawaian perakaunan yang berotoritatif berkenaan PKMI. Kekangan ini menyebabkan kajian ini tidak boleh melihat pematuhan sesuatu praktis PKMI dalam kalangan syarikat terhadap standard atau rujukan tertentu.

Oleh itu dicadangkan agar pihak berwajib seperti Suruhanjaya Sekuriti atau *Securities Commission* (SC) dan badan profesional perakaunan seperti Institut Akauntan Malaysia atau *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) mengeluarkan satu garis panduan umum yang boleh diterima pakai oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia berhubung dengan praktis melaporkan maklumat kewangan dan bukan kewangan di dalam laman web syarikat. Diharapkan penggunaan dimensi kandungan dan pembentangan dapat dimanfaatkan dalam rangka untuk mengetahui tahap PKMI. Sepertimana yang dicadangkan oleh Ali Khan dan Ismail

(2009), dimensi kandungan akan memberikan maklumat mengenai jenis maklumat yang dilaporkan oleh syarikat menerusi laman web. Manakala, dimensi pembentangan akan memberikan maklumat mengenai penggunaan ciri paparan terkini dalam menyebarkan maklumat korporat dan reka bentuk laman web sesebuah syarikat (Ali Khan & Ismail, 2009). Oleh itu, cadangan penggunaan dimensi kandungan dan pembentangan dijangka akan dapat memberi jalan penyelesaian kepada penggunaan dimensi yang tidak konsisten dalam hal yang berhubung penyelidikan PKMI. Ini bertujuan agar wujud satu keseragaman dalam melaporkan segala maklumat berkaitan syarikat di dalam laman web dapat dipraktikkan oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Melalui penyeragaman ini diharapkan PKMI yang lebih bersistematik, berkualiti serta lebih berkesan dapat dibangunkan. Maksud keseragaman di sini bukanlah untuk mewajibkan setiap entiti perniagaan menggunakan format tertentu sahaja bagi tujuan pelaporan tetapi ianya mungkin lebih bersifat sebagai panduan mengenai apa, di mana dan bagaimana maklumat kewangan perlu dilaporkan menerusi Internet. Seterusnya, garis panduan ini dapat digunakan oleh pihak awam bagi mengenal pasti kebergunaan dan kebolehpercayaan maklumat kewangan yang disebarkan menerusi Internet.

Rujukan

- Abdelsalam, O. H., Bryant, S.M., & Street, D. L. (2007). An examination of comprehensiveness of corporate Internet reporting provided by London-listed companies. *Journal of International Accounting Research, 6*(2), 1–33.
- Abdelsalam, O. H., & El-Masry, A. (2008). The impact of board independence and ownership structure on the timeliness of corporate internet reporting of Irish-listed companies. *Managerial Finance, 34*(12), 907–918.
- Abdelsalam, O. H., & Street, D. L. (2007). Corporate governance and the timeliness of corporate internet reporting by U.K. listed companies. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation, 16*, 111–130.
- Abdul Hamid, F. Z. (2005). Malaysian companies' use of the internet for investor relations. *Corporate Governance: The International Journal of Business in Society, 5*(1), 5–14.
- Abdul Hamid, F. Z., & Md Salleh, M. S. (2005). The determinants of the investor relations information in the Malaysian Companies' website. *Corporate Ownership & Control, 3*(1), 173–185.

- Abdul Hamid, F. Z., Md Salleh, M. S., & Mohamad, R. (2006). *A survey of the use of internet for the investor relations by the Malaysian and Singapore firms* (Unpublished research report). Sintok, Malaysia: Universiti Utara Malaysia, School of Accounting.
- Abdul Talib, Y. Y., & Sulaiman, A. J. (2006). Electronic government in Malaysia: Evaluating federal government website. Paper presented at *International Conference on E-Commerce (ICoEC) 2006*, the Gurney Resort Hotel & Residents, Penang, September 19–20, 2006.
- Ahmad, H., Ismail, M. S., & Ariffin, N. (2004). *Internet reporting by State Statutory Bodies in Malaysia* (Unpublished research report). Sintok, Malaysia: Universiti Utara Malaysia, School of Accounting.
- Al Arussi, A. S., Selamat, M. H., & Mohd Hanefah, M. (2009). Determinants of financial and environmental disclosures through the internet by Malaysian companies. *Asian Review of Accounting*, 17(1), 59–76.
- Ali Khan, M. N. A. (2010). *Pelaporan kewangan menerusi Internet: Indeks, tahap pelaporan dan faktor penentunya*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Ali Khan, M. N. A., Bajaher, M. S. A., & Ismail, N. A. (2007). Internet financial reporting by Saudi listed companies. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 4(1), 105–128.
- Ali Khan, M. N. A., & Ismail, N. A. (2008, December). Kepentingan item pelaporan kewangan menerusi Internet: Satu kajian awal. Paper presented at *National Management Conference (NAMAC) 2008*, Primula Beach Resort, Kuala Terengganu, Terengganu, December 13–14, 2008.
- Ali Khan, M. N. A., & Ismail, N. A. (2009). Dimensi pelaporan kewangan menerusi Internet. *International Journal of Management Studies*, 16(1), 75–69.
- Allam, A., & Lymer, A. (2003). Development in Internet financial reporting: Review and analysis across five developed countries. *The International Journal of Digital*.
- Aly, D., Simon, J. & Hussainey, K. (2010). Determinants of corporate internet reporting: Evidence from Egypt. *Managerial Auditing Journal*, 25(2) 182–202.
- Ashbaugh, H., Johnstone, K.M., & Warfield, T.D. (1999). Corporate reporting on the Internet. *Accounting Horizons*, 13(3), 241–257.
- Atan, R., Mohamed, N., & Yatim, N. (2000). E-reporting of corporate financial information web-based financial reporting in Malaysia. Paper presented at *Seminar on Accounting and Information Technology*, Convention Centre, Universiti Utara Malaysia, November 13–14, 2000.

- Audit group urges framework to monitor financial reporting process.* Dlm. *The Star*, 13 Mei 2009.
- Barako, D. G., Rusmin, R., & Tower, G. (2008). Web communication: An Indonesian perspective. *African Journal of Business Management*, 2(3), 53–58.
- Bonson, E., & Escobar, T. (2002). A survey on voluntary disclosure on the Internet: Empirical evidence from 300 European Union companies. *The International Journal of Digital Accounting Research*, 2(1), 27–51.
- Bonson, E., & Escobar, T. (2006). Digital reporting in Eastern European: An empirical study. *International Journal of Accounting Information System*, 7, 299–318.
- Brennan, N., & Hourigan, D. (2000). Corporate reporting on the internet by Irish companies. *Irish Accounting Review*, 7(1), 37–68.
- Celik, O., Ecer, A., & Karabacak, H. (2006). Impact of firm specific characteristics on the web based business reporting: Evidence from the companies listed in Turkey. *Problems and Perspectives in Management*, 4(3), 100–133.
- Chan, W. K., & Wickramasinghe, N. (2006). Using the internet for financial disclosure: The Australian experience. *International Journal Electronic Finance*, 2(1), 118–150.
- Chatterjee, B., & Hawkes, L. (2008). Does internet reporting improve the accessibility of financial information in a global world? A comparative study of New Zealand and Indian companies. *The Australasian Accounting Business & Finance Journal*, 2(4), 33–56.
- Craven, B. M., & Marston, C. L. (1999). Financial reporting on the Internet by leading UK companies. *The European Accounting Review*, 8(2), 321–333.
- Davey, H., & Homkajohn, K. (2004). Corporate Internet reporting: An Asian example. *Problems and Perspectives in Management*, 2, 211–227.
- Debreceeny, R., Gray, G. L., & Rahman, A. (2002). The determinants of internet financial reporting. *Journal of Accounting and Public Policy*, 21(4-5), 371–394.
- Deller, D., Stubenrath, M., & Weber, C. (1999). A survey on the use of the Internet for investor relations in the USA, the UK and Germany. *The European Accounting Review*, 8(2), 351–364.
- Despina, A. C., & Demetrios, P. L. (2009). The web-based financial reporting adopted by listed companies in the Athens stock exchange. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 5(7), 7–20.
- Ettredge, M., & Gerdes, J. (2005). Timeliness of investor relations data at corporate websites. *Communications of the ACM*, 48(1), 95–100.
- Ettredge, M., Richardson, V.J., & Scholz, S. (2001). The presentation of financial information at corporate Web sites. *International Journal of Accounting Information Systems*, 2, 149–168.

- Ettredge, M., Richardson, V. J., & Scholz, S. (2002). Dissemination of information for investors at corporate web sites. *Journal of Accounting and Public Policy*, 21, 357-369.
- Ezat, A., & El-Masry, A. (2008). The impact of corporate governance on the timeliness of corporate internet reporting by Egyptian listed companies. *Managerial Finance*, 34(12), 848-867.
- FASB. (2000). *Business reporting research project: Electronic distribution of business reporting information*. Steering Committee Report Series. Financial Accounting Standards Board.
- FASB. (2001). *Improving business reporting: Insights into enhancing voluntary disclosures*. Financial Accounting Standards Board.
- Flynn, G., & Gowthorpe, C. (1997, July). *Volunteering financial data on the world wide web. A study of financial reporting from a stakeholder perspective*. Paper presented at the 1st Financial Reporting and Business Communication Conference, Cardiff, 3/4.
- Gowthorpe, C., & Flynn, G. (1997, August). Reporting on the web: The state of the art. *Accountancy*, 68-69.
- Hanifa, M.H., & Ab. Rashid, H. (2005). The determinants of voluntary disclosures in Malaysia: The case of internet financial reporting. *UNITAR E-Journal*, 2(1), 22-42.
- Hassan, S., Jaaffar, N., Johl, S. K., & Mat Zain, M.N. (1999). Financial reporting on the internet by Malaysian companies: Perceptions and practices. *Asia-Pacific Journal of Accounting*, 6(2), 299-319.
- Huizingh, E. K. R. E. (2000). The content and design of web sites: An empirical study. *Information & Management*, 37, 123-134.
- IASC. (1999, November 15). *IASC publishers study of business reporting on the Internet*. Press Release: International Accounting Standards Committee.
- ICAEW. (1998). *The 21st century annual reporting*. London: The Institute of Chartered Accountants in England and Wales.
- ICAEW. (2004). *Digital reporting: A progress report*. London: The Institute of Chartered Accountants in England and Wales.
- Ismail, N. A., & Tayib, M. (2000, November/December). Financial reporting disclosure on the Internet by Malaysian public listed companies. *Akauntan Nasional*, 13(10), 28-33.
- Ismail, T. H. (2002). *An empirical investigation of factors influencing voluntary disclosure of financial information on the Internet in the GCC countries*. Working paper. Retrieved from <http://ssrn.com/abstract=420700>
- Ismail, T. H., & Sobhy, N. M. (2009). Determinants of auditors' perceptions of the work needed in the audit of the internet-based financial reports in Egypt. *Journal of Applied Accounting Research*, 10(2), 132-150.

- Joshi, P. L., & Al-Bastaki, H. (2000). Factors determining financial reporting on the Internet by banks in Bahrain. *Review of Accounting Information Systems*, 4(3), 63–74.
- Joshi, P. L., & Al-Modhahki, J. (2003). Financial reporting on the internet: Empirical evidence from Bahrain and Kuwait. *Asia-Pacific Journal of Accounting*, 11(1), 88–101.
- Joshi, P. L., & Gao, S. S. (2009). Multinational corporations' corporate social and environment disclosure (CSED) on web sites. *International Journal of Commerce and Management*, 19(1), 27–44.
- Jalur lebar buka pintu pasaran global. (2010, Mac, 23) *Berita Harian*.
- Keliwon, K., & Aziz, K. A. (2005, January). Web financial reporting in Malaysia. The current stage. *Proceedings of International Conference on E-Commerce 2005*. Kuala Lumpur, 59–65.
- Kelton, A. S., & Yang, Y. (2008). The impact of corporate governance on Internet financial reporting. *Journal of Accounting and Public Policy*, 27(1), 62–87.
- Khadaroo, M. I. (2005a). Business reporting on the internet in Malaysia and Singapore: A comparative study. *Corporate Communications: An International Journal*, 10(1), 58–68.
- Khadaroo, M. I. (2005b). Corporate reporting on the internet: Some implication for the auditing profession. *Managerial Auditing Journal*, 20(6), 578–591.
- Larran, M., & Giner, B. (2002). The use of the internet for corporate reporting by Spanish companies. *The International Journal of Digital Accounting Research*, 2(1), 53–82.
- Lodhia, S. K., Allam, A., & Lymer, A. (2004). Corporate reporting on the Internet in Australia: An exploratory study. *Australian Accounting Review*, 14(3), 64–71.
- Louwers, T. W., Pasewark, W., & Typo, E. (1996). Silicon valley meets Norwalk. *Journal of Accountancy*, 186, 20–24.
- Lybaert, N. (2002). On-line financial reporting: An analysis of the Dutch listed firms. *The International Journal of Digital Accounting Research*, 2(4), 195–234.
- Lymer, A., Debreceny, R., Gray, G.L., & Rahman, A. (1999). *Business Reporting on the Internet*. IASC Research Report.
- Lymer, A., & Tallberg, A. (1997, April). *Corporate Reporting and the Internet - a survey and commentary on the use of the WWW in corporate reporting in the UK and Finland*. Paper presented at the Annual Congress of the European Accounting Congress, Graz, Austria.
- Marston, C. (2003). Financial reporting on the Internet by leading Japanese companies. *Corporate Communication: An International Journal*, 8(1), 23-34.

- Marston, C., & Leow, C. Y. (1998). *Financial reporting on the Internet by leading UK companies*. Paper presented at the 21st Annual Congress of the European Accounting Association, Antwerp, Belgium.
- Marston, C., & Polei, A. (2004). Corporate reporting on the Internet by German companies. *International Journal of Accounting Information System*, 5, 285-311.
- Marston, C. L., & Shrives, P. J. (1991). the use of disclosure indices in accounting research: A review article. *British Accounting Review*, 23, 195–210.
- Mendes-da-Silva, W., & Christensen, T. E. (2004, August). *Determinants of voluntary disclosure of financial information on the internet by brazilian firms*.
- Mohamad, R., Mohamed, M., & Mohamed, A. (2003). Internet financial reporting (IFR) in Malaysia: A survey of contents and presentations. Paper presented at *Accounting Seminar 2003*, Putra Palace, Kangar, Perlis, December 8–10, 2003.
- Mohamad, R., Saad, S., Ismail, S. A., & Abdul Rahman, A. (2006). Malaysian corporate website: A survey of web characteristics. Paper presented at *International Conference on ICT for the Muslim World (ICT4M) 2006*, Kuala Lumpur, November 21-23, 2006.
- Mohamed, E. K. A., Oyelere, P., & Al-Busaidi, M. (2009). A survey of internet financial reporting. *International Journal of Emerging Markets*, 4(1), 56–71.
- Mohd Hanafi, S. R., Kasim, M. A., Ibrahim, M. K. & Hancock, D. R. (2009). Business reporting on the Internet: Development of a disclosure quality index. *International Journal of Business and Economics*, 8(1), 55–79.
- Momany, M. T., & Shorman, S. A. (2006). Web-based voluntary financial reporting of Jordanian companies. *International Review of Business Research Papers*, 2(2), 127–139.
- Nik Salleh, N. M. Z., & Mohamed, A. (2000, November). Web-based financial reporting in Malaysia. Paper presented at *Seminar on Accounting and Information Technology*, Convention Centre, Universiti Utara Malaysia, November 13–14, 2000.
- Othman, R., Said, J., & Nasir, N. (2001). *Internet reporting by local authorities in Malaysia* (Unpublished Research Report). Shah Alam, Malaysia: Universiti Teknologi MARA, Faculty of Accounting.
- Oyelere, P., Laswad, F., & Fisher, R. (2003). Determinants of Internet financial reporting by New Zealand Companies. *Journal of International Financial Management and Accounting*, 14(1), 26–61.
- Parviainen, J. A., Schadewitz, H. J., & Blevins, D. R. (2001). On the non-linear relationship between disclosure and its determinants. *Applied Economics Letter*, 8, 747–750.

- Pengguna Internet Malaysia. (2010, Mac 16). *Berita Harian*.
- Pervan, I. (2005). Financial reporting on the internet and the practice of Croatian joint stock companies quoted on the stock exchange. *Financial Theory and Practice*, 29(2), 159–174.
- Pervan, I. (2006). Voluntary financial reporting on the Internet- analysis of the practice of stock-market listed Croatian and Slovene joint stock companies. *Financial Theory and Practice*, 30(1), 1–27.
- Petravick, S., & Gillett, J. (1996, July). Financial reporting on the world wide web. *Management Accounting*, 26–29.
- Pirchegger, B., & Wagenhofer, A. (1999). Financial information on the Internet: A survey of the homepages of Austrian companies. *The European Accounting Review*, 8(2), 383–395.
- Salleh, K. (2004). An exploratory study on reinventing local government – electronic service delivery. Paper presented at *Persidangan Akauntan Pihak Berkuasa Tempatan*, Penang, Oktober 3–5, 2004.
- Seetharaman, A., & Subramaniam, R. (2005/2006). Navigating the web of financial reporting. *European Business Forum*, Winter(23), 51–54.
- Sortur, S. (2006, January). Financial reporting on Internet. *The Chartered Accountant*, 996–1006.
- Spanos, L. (2006, June). *Corporate reporting on the internet in a European emerging capital market: The Greek case*.
- Spaul, B. (1997). *Corporate dialogue in the digital age*. London: The Institute of Chartered Accountants in England and Wales.
- Trabelsi, S., Labelle, R., & Laurin, C. (2004). CAP forum on E-business: The Management of financial disclosure on corporate websites: A conceptual model. *Canada Accounting Perspectives*, 3(2), 235–259.
- Xiao, J. Z., Jones, M. J., & Lymer, A. (2002). Immediate trends in Internet reporting. *European Accounting Review*, 11(2), 245–275.
- Xiao, J. Z., Jones, M. J., & Lymer, A. (2005). A conceptual framework for investigating the impact of Internet on corporate financial reporting. *The International Journal of Digital Accounting Research*, 5(10), 131–169.
- Xiao, J. Z., Yang, H., & Chow, C. W. (2004). The determinants and characteristics of voluntary Internet-based disclosures by listed Chinese companies. *Journal of Accounting and Public Policy*, 23, 191–225.